

Kerajaan tidak bimbang sikap pengurus dana asing

UM 22 JUL 2001

Oleh MOHD. KHAIRUDDIN
MOHD. AMIN

KUALA LUMPUR 21 Julai — Kerajaan tidak bimbang terhadap tanggapan negatif pengurus dana asing terhadap pelaksanaan penstrukturan semula korporat yang dilakukan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, apa yang lebih membimbangkan beliau ialah skiranya kerajaan akan terpaksa 'meminta sedekah' untuk mendapat wang dari luar, yang kini ia tidak berlaku.

Beliau menegaskan, apa yang lebih penting ialah memastikan ekonomi negara diuruskan dengan betul.

"Kita tidak bimbang terhadap pandangan mereka (pengurus dana asing)," kata Dr. Mahathir selepas melancarkan kenderaan pelbagai guna (MPV) mini Proton Juara di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas pertanyaan sama ada kenaikan taraf mata wang asing jangka panjang Petrolia Nasional Bhd. (Petronas) yang dilakukan oleh agensi penarafan Moody's akan memberi an-

daian negatif pengurus dana terhadap pelaksanaan menyelamatkan syarikat-syarikat di negara ini.

Sementara itu, Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan juga masih belum memutuskan pengganti Tun Daim Zainuddin sebagai Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Perdana Menteri berkata, bagaimanapun jawatan tersebut perlu diisi.

"Kita masih belum memutuskan. Kita perlu mencari penggantinya," jelas beliau.

Semalam, laporan *Dow Jones Newswires* menyatakan bahawa bekas Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed berkemungkinan besar dilantik memegang jawatan tertinggi dalam MTEN itu bagi menggantikan Daim.

Menurut sumber laporan itu, jika Mustapa dilantik tindakan itu akan membolehkan beliau mendapat status menteri penuh, sekali gus memegang jawatan Menteri Kewangan.

Mengenai cadangan Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) untuk mengambil alih United Engineering (M) Bhd/Renong Bhd. pada minggu depan, Perdana Menteri berkata beliau ma-

sih belum diberi taklimat mengenai perkara itu.

"Saya akan beritahu anda selepas menerima taklimat," ujarnya.

Rabu lalu, kerajaan dilaporkan akan mengambil alih Renong Bhd., syarikat pengendali projek infrastruktur negara yang bermasalah melalui Khazanah pada minggu depan.

Pengambilan alih dan penyusunan semula syarikat konglomerat itu akan dilaksanakan dengan bantuan Penguurusan Danaharta Nasional Bhd. (Danaharta).

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, kejatuhan nilai yen berbanding ringgit akibat kemerosotan ekonomi Jepun menjadikannya masa yang sesuai untuk membayar balik hutang dalam yen.

Katanya, senario itu juga akan menyaksikan barangan Jepun boleh diheli dengan harga yang lebih murah.

Mengulas permintaan Edaran Otomobil Nasional Bhd. (EON) untuk memasarkan kereta lain, Dr. Mahathir berkata ia terpulang kepada Perusahaan Otomobil Nasional Bhd. (Proton) untuk memutuskannya.